

Pelitup muka tak dilupus sempurna ancam alam sekitar

Dr Sharifah Norkhadijah Syed Ismail



Pensyarah Kanan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Banyak negara mengesyorkan pemakaian pelitup muka dalam masyarakat awam. Mengambil kira data sedia ada dan penularan pra dan asimtomatik yang semakin meningkat serta kesukaran jarak fizikal dalam banyak konteks, ia langkah proaktif dalam mengesahkan penularan COVID-19.

Dalam konteks praktik di kemudahan kesihatan seperti hospital dan klinik, pelitup muka dan kelengkapan perlindungan diri (PPE) lain seperti sarung tangan dan apron diklasifikasi sebagai sisa klinikal yang akan dilupuskan menggunakan kaedah insinerator.

Sisa ini akan disterilkan dan dibakar pada suhu tinggi. Dengan penyebaran wabak dan peningkatan kes mendadak, sisa klinikal turut meningkat. Kajian di China melaporkan peningkatan penghasilan sisa klinikal dari 0.6 kilogram per pesakit kepada 2.5 ki-

logram sepanjang tempoh penularan COVID-19. Ini membawa cabaran signifikan bagi sistem pengurusan sisa klinikal yang pengumpulan dan penyimpanan sisa perlu diurus dengan baik.

Jumlah insinerator perlu mencukupi untuk memusnahkan sisa terbabit kerana ia berpotensi meningkatkan risiko penyebaran jangkitan.

Lain pula cabarannya dengan penggunaan pelitup muka dalam kalangan orang awam. Perkiraan ringkas dilakukan dengan anggaran 8 juta isi rumah. Sekiranya, setiap isi rumah menggunakan satu pelitup muka sehari, anggaran kasar sisa akan dibuang sehari ialah 8 juta.

Dalam tempoh sebulan, sebanyak 240 juta pelitup muka akan dilupuskan dan dalam tempoh setahun jumlah keseluruhannya ialah 2.92 bilion. Mengambil kira berat satu pelitup muka sebanyak 4 gram, jumlah keseluruhan pelitup muka perlu dilupuskan bersama sisa pepejal sedia ada ialah 11,680 tan.

Jumlah ini bersamaan 14 kolam renang saiz Olimpik. Sekiranya kelaziman baharu ini berlanjutan setahun atau dua tahun lagi, bayangkan lambakan topeng muka ini?

Dalam konteks praktik ini, pelitup muka yang digunakan orang awam dilupuskan sebagai sisa pepejal perbandaran. Namun, timbul



Pelitup muka yang tidak dibuang dengan sempurna memberi ancaman kepada alam sekitar.

pula isu lain sekiranya tidak dilupuskan sempurna. Sudah pasti ia boleh menjejaskan alam sekitar.

Banyak laporan disiarkan di akhbar dan media lain mengenai penemuan sisa pelitup muka dan sarung tangan di pesisir pantai, laut dan sungai. Ini ancaman terhadap hidupan flora dan fauna. Bukan itu sahaja, terdapat kebarangkalian virus ini berada dalam

rantaian makanan.

Meskipun banyak garis panduan dikeluarkan berhubung cara pemakaian dan pelupusan pelitup muka yang selamat, ia tidak menggariskan dengan terperinci apakah sepatutnya dilakukan kepada pelitup muka selepas dibuang ke tong sampah.

Apakah mencukupi setakat menanggalkan topeng muka, mengo-

yakkan dan membuangnya ke tong sampah? Apakah itu penamatnya? Apakah ia selamat dilupuskan sebagai sisa pepejal bersama-sama dengan sisa pepejal perbandaran lain? Namun, perlukah ia dilupuskan menggunakan kaedah sama dengan sisa klinikal?

Sebenarnya, ini juga potensi baharu penularan virus atau mungkin jika dilupuskan secara tidak terurus, ia berpotensi menjadi ancaman baharu kepada alam sekitar dengan peningkatan jumlah dilupuskan saban hari. Bagi menjawab persoalan ini, lebih banyak data dan kajian diperlukan.

Bagi membantu dalam mengelakkan risiko pembuangan sisa pelitup muka tidak terurus, antara kaedah boleh dicadangkan adalah menyediakan tong sampah khas di tempat awam bagi tujuan pengumpulan sisa untuk dilupuskan.

Kaedah ini dilakukan di banyak tempat termasuk Bangkok yang membolehkan orang awam melupuskan sisa pelitup muka dengan lebih yakin, terurus dan selamat. Mungkin tong sisa 'pandu lalu' juga boleh diwujudkan di pusat beli-belah dan tempat awam bagi tujuan pengumpulan sisa ini dari isi rumah. Selain itu, penggunaan topeng muka bersifat biodegradasi mungkin boleh digunakan bagi mengatasi masalah ini.